

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebabnya peratus calon SPM yang memperolehi gred A+ begitu rendah berbanding dengan mata pelajaran lain & apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada keseluruhan pencapaian calon SPM pada tahun 2013 adalah amat membanggakan berdasarkan Gred Purata Nasional (GPN) berbanding tahun-tahun yang lepas. Nilai GPN SPM tahun 2013 adalah 4.93 berbanding 5.08 mata pada tahun 2012 dan 5.04 mata pada tahun 2011. Seramai 405 calon yang memperolehi gred A+ (Cemerlang Tertinggi) bagi semua mata pelajaran yang diduduki dalam SPM tahun 2013. Manakala pada tahun 2012, seramai 481 yang memperolehi gred A+ bagi semua mata pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan calon yang memperolehi gred A+ bagi semua mata pelajaran pada tahun 2013 dan tahun 2012 adalah tidak signifikan. Keputusan peperiksaan tersebut bergantung kepada pencapaian calon yang berbeza setiap tahun dan prestasi mata pelajaran yang merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran yang diuji. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus melaksanakan pelbagai program kecemerlangan akademik, di samping memantapkan pengurusan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah bagi meningkatkan pencapaian murid.